




HOME • CULTURE • INDIGENOUS PEOPLE • ANTARA UBAT DAN PADI ADAT BIDAYUH DITELAN ZAMAN

ANTARA UBAT DAN PADI: ADAT BIDAYUH DITELAN ZAMAN

◀ PREV

NEXT ▶

01 November 2017



Adat lama merupakan cerminan kosmologi masyarakat lampau yang masih menjadi asas kepercayaan generasi emas di desa pertanian. Ikuti kisah Samak Kalak yang menceritakan perkaitan antara perubatan, pertanian serta ekologi manusia dengan alam sekitarnya.

"Ini saya punya batu, macam komputer," kata Samak Kalak, sambil mengeluarkan batu putih bujur yang terkandung di dalam sebuah balang kaca berisi air. "Simpan sini dulu [atas kepala], saya bawa dia turun [melalui leher dan tangan], kalau ada akar kayu ara dalam badan dia, kalau buah pinggang dia tidak bagus, kalau ada barang masuk badan dia, dia melekat, saya buang itu, sudah habis," katanya menjelaskan fungsi alatnya itu dalam penelitian penyakit.



Kami sedang duduk sambil dikelilingi objek perubatan dukun tradisional Bidayuh tersebut di dalam rumah kebun kepunyaannya yang terletak di pinggir jalan menuju ke Kampung Gumbang. Di antara kami ada beberapa batu pelbagai rupa, berbentuk gigi bertaring tujuh, beberapa butir kemeyan, serta beberapa botol kaca kecil yang berisi ocair. Beliau menerangkan fungsi peralatannya satu persatu setelah mengenakan kain di kepala serta menyarung kalung di lehernya.



Samak Kalak mula dikurniakan kebolehan untuk mengubati penyakit spiritual pada saman mudanya sewaktu bekerja kontrak di daerah Lawas. "Pak Dukun besar sana sudah meninggal, lu ganti dia, dia ocaip saya," beliau menjelaskan bagaimana tugas beliau sebagai perawat diturunkan kepadanya oleh sekujur lembaga yang ditemuinya. Setelah menamah hidangan makanan dan minuman yang disediakan oleh lembaga tersebut, beliau telah dikurniakan lidah serta tangan yang 'tajam'.



Bermula dengan mengubati cucunya sendiri, khidmat beliau semakin diketahui orang ramai melalui buah mulut oleh mereka yang mengenalinya terutamanya melalui anak-anaknya sendiri yang berkahwin dengan warga dari semenanjung Malaysia dan Indonesia. Semenjak daripada itu, beliau sering merantau ke daerah luar untuk mengubati pesakitnya, kadangkala untuk tempoh yang memakan masa berbulan.



"Ini batu teropong saya. Kalau ada orang curi, ada orang dalam [batu] ini. [Batu] ini pandai tahu," Samak Kalak menunjukkan batu miliknya yang berbentuk kristal. "Saya ambil lilin satu batang, saya tengok pakai ini. Kalau lu punya barang hilang, lu lekas-lekas datang sini bagitahu saya, saya tengok pakai ini. Kalau lambat, tak dapat," katanya memberitahu kebolehannya dalam menjejaki barang kepunyaan selain daripada perubatan alternatif. Beliau memberitahu bahwa batu serbaguna beliau tersebut juga mampu untuk melihat benda asing di dalam pesakitnya, "Kalau kena barang orang dalam lu punya badan, batu ka, siput ka, kena tembak ka, sumpit ka, dia pandai tengok dalam."



Sebagaimana penghuni kampung yang lain, Samak Kalak bertani untuk kelangsungan hidup keluarganya. Rumah beliau sedang dipenuhi beberapa gumi berisi padi bersekam yang baru sahaja dituai. "Masih belum keringkan dia, nanti baru mesin dia di kampung atau di [Kampung] Padang Pan sana," kata beliau merujuk kepada kemudahan memsin padi di sekitarnya. Beras yang diperoleh akan dibagikan sesama beliau serta anak-anaknya yang berkelatan dan terhid untuk pemakanan keluarganya sahaja. Beliau juga mempunyai beberapa belas pohon lada yang ditanam di samping padinya untuk ditukarkan kepada wang.



Samak Kalak berpengalaman dalam mengubati pelbagai jenis penyakit pada takat kesukaran yang berbeza. Daripada penyakit fizikal biasa sehinggalah penyakit yang tidak diakui oleh doktor-doktor perubatan di hospital atau klinik, beliau mempunyai cara tersendiri untuk menyembuhkan pesakitnya. Penyakit ringan seperti keracunan, penyakit kulit, sesawa, busung, masalah regangan urat dan otot, masalah pencernaan, penyakit kelamin dan sebagainya seringkali dapat ditangani dengan mudah dengan hanya minum air rendaman atau campuran ocair kepunyaannya.

Penyakit yang lebih serius kebiasaannya memerlukan bantuan daripada *kemeng krtuh*, roh-roh terhormat (*venerated ancestors*) terpinat beliau kawasan Gumbang, yang kadangkala diujut secara selang-seli dengan panggilan nenek moyang. "Kalau panggil dia mesti pakai ping [penawaran], kasi sirih, tembakau, kapur, rokok, lilin, gaharu, tuak tebu... Macam-macam lagi la," jelas beliau.



Samak Kalak melihat peranannya sendiri sebagai pemudahoara atau pengantara untuk membantu pengubatan dan bukan sebagai seorang yang mempunyai kuasa istimewa. Roh nenek moyang yang diseru juga tidak mempunyai kekuasaan yang mutlak. "Kalau saya punya roh *kemeng* itu, dia goyang kepala, tidak dapat ubat, [pesakit] mungkin meninggal." Beliau menambah dalam seketengah keadaan hasil santunan orang, *kemengnya* "tak tahan lawan pengaruh bomoh punya," sambil menjelaskan perbezaan kekuatan bomoh daripada pelbagai etnik yang terdapat di Malaysia.



Sebagai sebahagian daripada masyarakat kampungnya, Samak Kalak tidak mempunyai kedudukan istimewa yang membezakan beliau dengan penghuni lain. Tetapi jika dipertika dengan teliti, beliau dianggap oleh saudara seampungnya, walaupun beliau masih mengamalkan adat kepercayaan lama di kalangan majoriti yang menganuti agama Kristian. Tambahnya lagi, peranannya sewaktu perayaan Gawai padi di kampungnya serta penyertaannya dalam sambutan Gawai bersama saudara-saudaranya di daerah Gebujit, Indonesia juga telah membuatkan pengubat bergelar datuk ini disanjung ramai.

Adat lama yang dianuti beliau mempunyai ilatan tradisi dengan peranannya sebagai petani, iaitu menyeru *kemeng krtuh* untuk memberikan hasil tanaman yang baik untuk musim yang mendatang. "Kalau gawai huma, gawai padi ka, mesti panggil itu roh nenek moyang yang sudah meninggal tu, yang kaya-kaya dolok punya, baru dia ada datang," ujar beliau. "Kalau roh nenek moyang saya datang, ada dapat padi, kalau dia tidak datang, tidak dapat padi banyak," tambah beliau lagi.




Sudah menjadi pengetahuan umum di Sarawak bahawa adat serta keperayaan lama yang menjadi asas kepada perayaan Gawai telah luntur dimakan zaman. Selain dari ketiadaan penganutnya daripada generasi yang muda, faktor persekitaran seperti pembalakan juga mempengaruhi keberadaan adat lama ini, "Dolok punya hutan tua-tua itu, kalau tidak ada orang ambil balak itu, memang ada bomoh yang diam. Sekarang tidak ada lagi. Semua itu gunung yang kuat-kuat sudah damai sudah, ada juga dia [bomoh] masuk itu Kristian. Tidak kacau orang."




Kebudayaan roh *kemeng krtuh*, amalan perubatan tradisional serta upacara perayaan Gawai hanya boleh diteruskan selagi wujudnya pengamal seperti Samak Kalak. Pengurangan penganut adat lama lantaran kematian generasi beliau membayangkan takdir kehilangan adat 'asli' yang menjangkaui pertunjukan budaya dalam masa yang terdekat. "Dulu masuk [Bukit] Jagoi dengan Gumbang kuat dia. Sini orang punya datuk nenek sudah meninggal, tidak orang pakai lagi."

Oleh Yuen Kok Leong
Foto ihsan Jee Poong

RECENT ARTICLES



Forged In Fire
We learn about the keris' earthy roots from Abdul Manis, the artisan who crafts ceremonial blades for kings and dignitaries....




Salted Eggs: Is It Worth Its Salt?
From traditional dim sum restaurants to trendy cafes, the salted egg is suddenly everywhere, with queues forming right behind it. We go...




Komik Kon Malaysia
If you are a fan of collectible toys and all-things comic, you definitely need to be a part of Komik Kon Malaysia. Founded early...




Cino Kelate
The Chinese community in Kelantan is very different from their brethren across Malaysia – they've assimilated seamlessly...



The Cats Of TTDI Market
The bustling Pasar Besar TTDI seems to be a popular spot for stray cats in the area to hang out, take a nap, and grab a snack.



Scenes From Jalan Raja Bot Night Market
Come nighttime, the area near Jalan Raja Bot becomes an unassuming flea market for pre-loved and vintage items.




Not All Heroes Wear Capes
We talk to Cheryl Ann Fernando, the school teacher who brought choral speaking glory to an underperforming rural school that inspired t...




Restoring Dignity To Night Soil Workers
The job of a night soil worker has always been frowned upon by society, although they played an important role in the city's sani...



Financial Literacy Through Art
Financial Literacy Through Art By Yon Nurul Alma Financial Literacy is an exhibition commemorating Buku ...




CHINESE NEW YEAR: SNACKS AND COOKIES
Loosen those belts, Chinese New Year is here! The festivities would not be complete with a spread of delicacies that have become synonymous wit...



It All Began With A Love Story: The Che Wong Tribe Of Pahang, Malaysia
MON, 10 AUG 2015

"In the wilderness is the preservation of the world" - Henry David Thoreau At the moment, the Che Wong population is estimated ...



Copyright © 2013 - 2016 Malaysia.my All Rights Reserved.

Welcome to Malaysia
There's so much more to Malaysia than meets the eye. Join us in exploring the warmth of its people, the beauty of its nature, the wealth of its cultures and the abundance of joy in everything you discover.

Privacy Policy
Terms & Conditions
Disclaimer